

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
(KUANTAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.11.2015

Y.B. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [Kuantan] minta

MENTERI KEWANGAN menyatakan :-

(a) jelaskan berapa banyakkah Syarikat/Agensi Pemungut Hutang yang berdaftar dengan Kementerian; dan

(b) di bawah peruntukkan undang-undang manakah Agensi Pemungut Hutang ditubuhkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Syarikat / agensi pemungut hutang perlu mendaftarkan entiti perniagaan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Syarikat / agensi pemungut hutang ini tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan.

Buat masa ini, tiada undang-undang yang khusus untuk mengawal selia operasi syarikat / agensi pemungut hutang. Walaubagaimanapun, Bank Negara Malaysia (BNM) mempunyai garis panduan tentang amalan pengutipan hutang yang adil. Institusi perbankan yang melantik syarikat / agensi pemungut hutang untuk berkhidmat bagi pihak institusi perbankan dikehendaki mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh BNM tersebut. Garis panduan berkenaan menghendaki institusi perbankan untuk bertanggungjawab dalam memastikan pemungut hutang yang dilantik mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh BNM. Antara lain, garis panduan tersebut memperuntukkan bahawa pemungut hutang hendaklah sentiasa mengamalkan tingkah laku yang beretika dan tidak dibenarkan menggunakan kekerasan serta kerap mengganggu peminjam termasuklah:

- i. menggunakan kata-kata berunsur ancaman, kasar atau menakutkan;

- ii. menyebabkan kecederaan anggota ke atas mana-mana peminjam atau pihak ketiga yang dikenali oleh peminjam;
- iii. menghubungi peminjam atau pihak ketiga yang dikenali oleh peminjam menerusi telefon, bersemuka atau melalui bentuk komunikasi yang lain pada waktu yang tidak munasabah;
- iv. mengunjungi peminjam di tempat kerja melainkan dibenarkan oleh peminjam; dan
- v. berusaha untuk mendapatkan pembayaran balik pinjaman daripada pihak ketiga yang dikenali oleh peminjam.